

# اير بارو Era Baru

DITUBUHKAN PADA 1994  
Wadah Perjuangan Bangsa



< Kelihatan dalam gambar dari kiri YAM Tengku Temenggung Kelantan, YAM Tengku Muhammad Fakhry Petra; YTM Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra; Al Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra; Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid; Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan YAM Tengku Bendahara Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra yang sama-sama menyaksikan perasmian jambatan yang dinamakan Jambatan Sultan Ismail Petra.

> Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan dengan bangganya berkenan merasmikan upacara pembukaan Jambatan Sultan Ismail Petra sambil diperhatikan oleh Datuk S. Samy Vellu.



< Majlis Santapan Diraja untuk meraikan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah setelah selesai perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra.

GAMBAR BAWAH... Ketibaan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad disambut oleh Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed dan ahli-ahli UMNO yang lain.

## LAWATAN TERAKHIR PERDANA MENTERI KE KELANTAN

**B**-BARU ini Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melawat singkat selama sehari ke Kota Bharu, Kelantan terutama sekali untuk hadir di upacara perasmian jambatan baru di Tendong yang berharga 166.36 juta yang menggubungkan Kota Bharu dengan Pasir Mas sepanjang 960 meter. Upacara yang gilang gemilang itu telah disempamakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan. Difahamkan sebelum itu kerja-kerjanya untuk jambatan itu diusahakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan tetapi ia terbantut kerana masalah kewangan maka ia diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Beribu-ribu rakyat Kelantan terutama sekali dari daerah Tendong telah berkumpul beramai-ramai untuk mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al Sultan dengan Raja Perempuan disertai keluarga diraja dan juga Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Orang ramai juga mengambil kesempatan itu untuk bermesra dan bersalaman dengan Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah kerana ini mungkin kali terakhir bagi Dr. Mahathir melawat Kelantan sebagai Perdana Menteri.

Dalam ucapan Perdana Menteri beliau menegaskan bahawa Kerajaan Pusat akan terus membantu rakyat Kelantan supaya mereka juga mendapat manfaat yang sama dari pembangunan. Beliau menasihati rakyat supaya bersyukur dan berterima kasih kepada apa yang mereka nikmati kini dan akan datang.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Ketua Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Mustapa Mohamed; Ahli Majlis Tertinggi UMNO Tengku Razaleigh Hamzah; Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Upacara perasmian tersebut berjalan dengan lancar dan sesungguhnya rakyat yang hadir begitu bangga dengan mendapat jambatan yang baru selalunya di bandar. Semua kemudahan ini jelas telah memberi keselesaan kepada rakyat jelata di Kelantan.

Disini disiarkan gambar-gambar yang telah dirakamkan oleh Era Baru ketika berada di Kota Bharu.



Perdana Menteri dengan senyuman yang tidak lekang dari wajahnya sempat melambaikan tangan kepada orang ramai yang menunggu ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Duduk di sebelah beliau ialah Datuk Mustapa Mohamed.



< Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersalaman dengan para penyokongnya setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.



Di antara ribuan rakyat Kelantan yang turut hadir di upacara perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra dan juga untuk mendengar ucapan Perdana Menteri bagi kali terakhir.



> Datin Seri Dr. Siti Hasmah menyambut ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersalaman dan mengucapkan selamat datang sambil bertanya khabar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Al Sultan sambil diperhatikan oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

GAMBAR ATAS... Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO sempat juga mengemudikan mesyuarat singkat Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.



> Apakah yang dipikatakan oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah kepada Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis seperti yang dilihat dalam gambar ini?



Salah satu daripada puluhan sepanduk yang mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad



Salah satu daripada berpuh-puluh kain rentang yang memuji dan menyanjung tinggi sumbangan dan pengorbanan Dr. Mahathir kepada agama, bangsa dan negara selama ini ketika menyambut kedatangan Perdana Menteri ke Kota Bharu.



Tengku Razaleigh Hamzah kelihatan menerangkan sesuatu kepada Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di majlis perasmian jambatan.



< Raja Perempuan di temani oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah berkenan menyanyikan lagu kesukaan Dr. Mahathir 'My Way' ketika diadakan majlis makan tengahari di Hotel Renaissance.



Sebahagian daripada pelajar-pelajar ITAR Kota Bharu yang telah menunggu lama ketibaan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali untuk mengucapkan terima kasih dan mendapatkan tandatangan Perdana Menteri ke atas kain rentang.